

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### 4 negeri atasi KDNK nasional

# 4 negeri atasi KDNK nasional

Antara pemacu utama ekonomi adalah daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan

#### KUALA LUMPUR

Malaysia kekal pada trajektori ekonomi yang kukuh dengan semua negeri mencatatkan kadar pertumbuhan positif pada 2022 berbanding 2021, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Dalam laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut negeri bagi tahun 2022 yang dikeluarkan pada Selasa, jabatan itu berkata, ia merekodkan pertumbuhan positif walaupun terdapat ketidakpastian ekonomi global, konflik geopolitik dan

gangguan dalam rantaian bekalan makanan.

Menurutnya, pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia pada 1 April 2022 telah mempercepatkan pemulihan dalam semua sektor ekonomi, khususnya industri berkaitan pelancongan.

"Prestasi ini memuncak dengan pertumbuhan KDNK 8.7 peratus pada 2022, manakala nilai tambah berjumlah RM1.5 trilion mengatasi nilai pra-pandemik pada 2019 sebanyak RM1.4 trilion.

"Sektor perkhidmatan yang menguasai ekonomi negara mengukuh sebanyak 10.9 peratus berbanding tahun 2021, diikuti sektor pembuatan yang meningkat sebanyak 8.1 peratus," kata DoSM.

Empat negeri yang mengatasi kadar pertumbuhan nasional pada 2022 ialah Pulau Pinang (13.1 peratus), Selangor (11.9 peratus), Pahang (10.8 peratus) dan Kuala Lumpur (9.2 peratus). - *Bernama*